Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com

**1103/2**
**BAHASA MELAYU**
**Kertas 2**
**Ogos 2011**
**2 ½ jam**

**BAHAGIAN PENGURUSAN**

**SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua Jam Tiga Puluh Minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **empat** *soalan*
2. *Sila jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan bagi* **soalan 2***(b),* **soalan 2***(c),* **soalan 2***(d) dan* **soalan 4** *berdasarkan teks komponen kesusasteraan tingkatan 4 dan tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

**[ Lihat Halaman Sebelah**

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



**Soalan 1 : Rumusan**

[30 *markah*]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang* ***kepentingan berekreasi dalam kalangan remaja*** *dan* ***kekangan yang dihadapi bagi melaksanakannya****. Panjang rumusan anda hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Berekreasi sememangnya digalakkan bagi setiap orang. Kepentingan menjaga kesihatan ialah tanggungjawab yang tidak boleh dipandang mudah dan kita perlu melakukannya bagi memastikan kesihatan tubuh dan kecerdasan minda tidak terganggu. Berekreasi merupakan terapi fizikal semula jadi untuk mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda. Persekitaran hari ini yang serba moden dan canggih menyaksikan kegiatan rekreasi bagi tujuan mengeluarkan peluh tidak lagi tertumpu di taman permainan, sebaliknya boleh dilakukan di pusat kesihatan yang menyediakan pelbagai peralatan senaman moden. Hampir di setiap kawasan perumahan, ada disediakan taman untuk berekreasi.

Bagi golongan remaja, rekreasi yang dilakukan secara teratur, sama ada secara dilakukan secara berseorangan ataupun berkumpulan, mampu mengelakkan remaja daripada terjebak dalam aktiviti tidak sihat yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Berekreasi, selain berfungsi menyihatkan badan dan memberikan kesihatan yang baik, minda yang cerdas dan menjauhkan diri daripada gejala sosial yang tidak sihat, juga mampu mendidik remaja untuk lebih terbuka dari segi minda dan pergaulan. Kesempatan bertemu dengan rakan baharu dapat membantu membentuk sahsiah diri remaja yang baik, seperti belajar untuk bergaul, menghormati sesama rakan, dan yang paling penting, mengajar mereka untuk tidak mementingkan diri sendiri.

Rekreasi yang dilakukan secara teratur mampu membentuk golongan remaja menjadi lebih matang, berketerampilan, dan mempunyai keyakinan dalam pergaulan. Pergaulan yang sihat membolehkan remaja berkongsi pengalaman dan semua ini penting sebagai persediaan untuk menempuh alam dewasa yang lebih mencabar. Program rekreasi secara berkumpulan mendedahkan remaja kepada aspek kerohanian. Secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi diri dan menilai diri serta menghargai usia remaja dengan sebaik-baiknya. Remaja yang suka berekreasi bukan sahaja mempunyai minda yang sihat serta terbuka dalam pergaulan, tetapi juga lebih terarah dalam soal kehidupan berbanding dengan mereka yang tidak melakukan aktiviti rekreasi.

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



Berekreasi membantu perkembangan psikologi remaja. Sebagai remaja yang *menuju alam kedewasaan* dan perlu membuat pilihan untuk menentukan masa hadapan, biasanya mereka telah ada arah tuju atau pilihan. Berekreasi memudahkan remaja mencari hala tuju dalam kehidupan mereka tanpa terpengaruh oleh persekitaran yang tidak sihat. Mereka akan mudah membuat keputusan kerana memiliki badan yang sihat dan minda yang cerdas. Remaja yang membuat pilihan bijak akan mengecap kejayaan dan mereka yang tersilap langkah akan berdepan dengan kehancuran dan dihimpit masalah. Oleh itu, bagi menggalakkan remaja aktif berekreasi, kerajaan telah membina banyak pusat sukan tertutup bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang sihat dan cerdas.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana `Ayuh Berekreasi',
Dewan Siswa, Januari 2010)

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan* **Soalan 1**, *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud rangkai kata *menuju alam kedewasaan* . [2 *markah*]

(ii) Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk menggalakkan rakyat berekreasi ? [ 3*markah*]

(iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk menggalakkan para pelajar berekreasi . Berikan tiga cadangan. [4 *markah*]

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



**Soalan 2(b) - Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Pagi masih lagi meredup, suram dan dingin. Dalam kepala Pak Itam, tujuh lapan khemah akan dipasang. Anak-anak Langat bolehlah menjamu selera. Cik Habsah dari Terengganu sudah pun dijemput untuk menyanyikan lagu Ulek Mayang. Budak Zubir dari Pusat Kebudayaan UM juga akan datang bersama-sama gitarnya menyanyi lagu puisi. Aziz H.M. dan kumpulan teater Malininya akan mempersembahkan drama mereka. Bagi Pak Itam, makanan untuk fizikal mesti diselaraskan juga dengan makanan kerohanian. Pembangunan sosioekonomi sahaja tidak mencukupi, kiranya kita melupakan hal-hal kebudayaan, hal-hal kesenian bangsa, agama dan adat resam.

"Tempat letak kereta macam mana?" Pak Itam mendongak lagi ke muka Tuk Mat.

"Semuanya beres, pak, sudah saya siapkan di tanah kosong seberang jalan!" Tuk Mat menjawab cepat.

"Aku tak mahu, kereta-kereta dan bas-bas tetamu mengganggu lalu lintas, jalan raya itu pun bukan besar sangat!" balas Pak Itam.

Dia mesti menghormati undang-undang, dia tidak mahu jalan raya jadi tersumbat kerana kenderaan para tetamu jemputannya. Kalau kita sendiri tidak mahu menghormati undang-undang yang kita buat, siapa lagi? Bukankah dia anak Melayu pertama menjadi majistret di Malaya ini, yang ikut membubar dan mengubah suai undang-undang negara selepas Inggeris pergi.

(Dipetik daripada cerpen *Memori Seorang Tua*
oleh Zahari Affandi
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Kemukakan **dua** persediaan Pak Itam untuk menyambut tetamunya. [2 *markah*]

(ii) Undang-undang negara perlu dihormati oleh setiap rakyat. Jelaskan **tiga** kesan sekiranya undang-undang negara tidak dipatuhi. [3 *markah*]

(iii) Huraikan **satu** perwatakan Pak Itam seperti yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan Pak Itam dalam cerpen tersebut. [4 *markah*]

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Alkisah, maka tersebutlah perkataan Raja Kedah berkelahi dengan saudaranya di dalam negeri Kedah. Kemudian saudaranya yang tua Raja Kedah itu berkirim surat pula menyilakan Opu Daeng yang berlima bersaudara, silakan ke Kedah.

Maka tiada berapa antara maka muafakatlah Opu Daeng yang berlima bersaudara itu. Maka bersiaplah masing-masing dengan kelengkapannya serta dengan kenaikannya sebuah seorang.

Maka sampai waktu ketika yang baik, maka dilangkahkan dengan langkah *rijalul ghaib*. Maka belayarlah ke negeri Kedah. Serta sampai dipanggil oleh Yang Amtuan Raja Kedah masuk ke dalam kota. Maka berjumpalah dengan Yang Amtuan Kedah. Maka berjamu-jamulah santap nasi. Telah sudah santap air panas, maka Raja Kedah pun berkhabarlah, "Minta tolong perang, kerana saya berkelahi dengan saudara saya sebab berebutkan kerajaan."

Khabar Raja Kedah, "Jikalau menang saya perang, saya berilah Opu Daeng yang berlima bersaudara, saya berilah seorang lima belas bahara."

Kemudian dijawab oleh Opu Daeng, "Khabar Raja Kedah itu, saya minta cap tandatangan, dan mana-mana sekalian orang dagang yang datang dari Timur ada di dalam negeri Kedah ini dan seperti Bugis dan Mengkasar dan Mandura semuanya itu diserahkan kepada saya perintahnya."

(Dipetik daripada
"*Hikayat Opu Daeng Menambun*"
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Mengapakah Opu Daeng dan saudara-saudaranya diutus supaya datang ke Kedah oleh Raja Kedah? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan perjanjian yang dibuat oleh kedua-dua belah pihak sekiranya Raja Kedah berjaya mencapai hasratnya untuk memerintah negeri Kedah. [3 *markah*]

(iii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sesuatu perjanjian. Berikan **tiga** sebab. [3 *markah*]

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



**Soalan 2(d) - Petikan Puisi**

*Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**PANTUN LAPAN KERAT**

Buat bangsal di tengah hutan,
Tebaslah hutan buat halaman,
Di tepi halaman menanam kubis,
Diselang dengan pokok papaya;
Biarlah sabar dalam perlahan,
Itulah tanda tuan beriman,
Tidak patah digoncang iblis,
Akhirnya tuan menang berjaya.

Ikan teluk parang-parang,
Anak ketam disangka lelabi,
Berburu musim tengkujuh,
Dapat buruan dibelah-belah;
Bukan makhluk sebarang-barang,
Cucu Adam sepaian nabi,
Turun dari langit ketujuh,
Jadi khalifah kepada Allah.

Lengkang-lengkung apa dipaku,
Paku jatuh patah dua,
Menjadi riuh orang di darat,
Anak Cik Itam jatuh jalar;
Bumi kandungan nenek moyangku,
Kerana lalai rosak binasa,
Kebudayaan Timur dinodai Barat,
Bahasa ibunda hina terbiar.

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Berdasarkan rangkap pertama, nyatakan sifat-sifat orang yang beriman. [2 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan generasi baharu mudah terpengaruh oleh budaya Barat? Berikan **tiga** faktor. [3 *markah*]

(iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam rangkap pertama dan **satu** pengajaran yang terdapat dalam rangkap ketiga pantun tersebut. [4 *markah*]

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

(a) *Tulis* **dua** *ayat bagi setiap kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) gamat
(ii) diam
(iii) bidang

[6 *markah*]

(b) *Pisahkan ayat-ayat majmuk di bawah menjadi* **enam** *ayat tunggal tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Golongan remaja yang terlalu asyik melayari internet seringkali menghabiskan masa berjam-jam di hadapan komputer. Keadaan ini mengakibatkan remaja tersebut mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga dan pelajaran. Mereka memberikan alasan hendak mencari maklumat tetapi sebenarnya melayari laman-laman yang tidak berfaedah.

[ 6 *markah*]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan ejaan** *dan* **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Penunggang motorsikal itu berjaya melarikan diri daripada sekatan jalan raya yang dilaku oleh polis trafik.

(ii) Melalui e-mail yang dikirimnya malam tadi, adik diharap supaya kami sekeluarga tidak bimbang akan keselamatannya.

(iii) Semua bekerja di kilang itu akan keluar makan pada waktu tengahari selama satu jam setengah.

[6 *markah*]

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



(d) *Dalam petikan di bawah, terdapat* **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah** *dan* **tiga kesalahan tatabahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Media massa merupakan satu saluran komuniti yang berkesan untuk menyalurkan berbagai maklumat kepada masyarakat. Jika kita lihat pada hari ini, media massa telah digunakan secara menyeluruh. Ini kerana media massa berfungsi sebagai pelebar maklumat kepada masyarakat secara komprehensif. Selain itu, media massa berperanan mendidik masyarakat di dalam mempelajari sesuatu perkara dan membuka perasaan mereka untuk mengetahui sesuatu perkara dengan lebih mendalam.

[6 *markah*]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa berdasarkan situasi tersebut.*

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengingatkan orang ramai supaya tidak terlibat dalam rasuah kerana perbuatan itu menyalahi undang-undang dan hukum agama. Amalan rasuah dalam jangka panjang mampu memusnahkan sesebuah negara. Golongan yang terlibat dalam gejala rasuah selama ini, sekalipun mereka cuba menyembunyikan perbuatan jahat tersebut, suatu masa nanti mereka pasti akan diketahui oleh masyarakat. Kejahatan mereka tidak mampu disembunyikan daripada ketahui orang.

[6 *markah*]

Dapatkan Skema di www.banksoalanspm.com



**Soalan 4: Novel**

[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut* :

(i) Azfa Hanani karya Hanis Azhan Mohd Hanafiah

(ii) Papa… (akhirnya Kau Tewas Jua) karya Deana Yusof

(iii) Renyah karya Gunawan Mohamad

(iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

(v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir

(vi) Interlok karya Abdullah Hussain

(vii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd Taib Hassan

(viii) Kabus Di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(a) Pengarang menggunakan pelbagai teknik plot untuk menjadikan cerita lebih menarik.

Huraikan **dua** teknik plot yang digunakan oleh pengarang berdasarkan novel yang anda pelajari.

[7*markah* ]

(b) Watak utama dalam sesebuah novel sering menjadi idola kepada pembaca.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari huraikan **satu** perwatakan watak utama yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan sehari-hari.

[8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT